

09/11/2000

Lifa angkat martabat negara dalam dunia seni

USAHA Pelukis ternama Malaysia, Datuk Ibrahim Hussein mengumpul seniman dan artis ternama dunia menerusi Festival Kesenian Antarabangsa Langkawi (Lifa) melengkapkan pulau legenda itu sebagai 'global art resort' selain terkenal dengan industri pertahanan laut dan udara.

Ini kerana Lifa yang dicadang diadakan dua tahun sekali berjaya mengumpul pencinta seni dan seluruh dunia untuk mereka berkarya, berinteraksi dan meluahkan rasa hati melalui bahantara masing-masing.

Bahantara yang dipilih bukan saja kanvas lukisan tetapi terserah kepada minat dan kecenderungan. Ada yang memilih kayu, batu hingga karangan laut yang mempunyai makna tersendiri kepada artis.

Selama 10 hari bermukim di Pantai Pasir Tengkorak, beberapa artis seperti Lisa Reihana dari New Zealand memilih bahantara tekstil, Shri Shail Choyal dari India memilih kanvas lukisan dan Eddie Lui selesa dengan bahantara batu yang usia ratusan tahun.

Mereka yang berkesempatan melihat karya yang dipamerkan berasa kagum dengan kegigihan dan keupayaan artis serta seniman menjadikan bahantara sebagai 'pembicara' rasa hati mereka mengenai pelbagai usaha terutama berkaitan dengan alam sekitar.

Selepas penat berkarya pada siang hari, peserta dan orang ramai berpeluang menyaksikan pelbagai persembahan kebudayaan seperti tarian topeng, persembahan tarian oleh kumpulan Aida Redza, persembahan patung air oleh kumpulan dari Vietnam serta tidak ketinggalan persembahan oleh La Chunga, satu-satunya penari flamenco yang menari tanpa kasut di beberapa hotel di Langkawi. Persembahan itu jarang-jarang boleh disaksikan secara percuma.

Usaha Ibrahim membawa perkara mendapat sambutan baik dari penduduk Langkawi. Boleh dikatakan setiap kedai di Langkawi mempamerkan poster mengenai acara itu terutama bagi kemudahan pelancong.

Ibrahim melahirkan rasa bangga kerana banyak pihak memberi sokongan kepadanya sehingga Lifa menjadi realiti walaupun ia tidak digerakkan oleh sumbangan kewangan yang besar. Tidak salah jika dikatakan Lifa juga projek rakyat yang digerakkan secara sukarela.

Lifa dianjurkan Yayasan Kebudayaan dan Muzium Ibrahim Hussein (IHMCF) dan muzium itu dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini.

Perdana Menteri mahu usaha digemblengkan supaya acara itu mendapat penyertaan berkualiti pada peringkat antarabangsa pada masa depan.

Jaringan kerjasama dengan institusi seni luar negara dan keakraban bersama galeri seni tempatan, amat diperlukan bagi menjayakan pelbagai program yang dirancang.

Dalam usaha meningkatkan khalayak seni, khususnya seni lukis, peranan IHMCF sebagai pusat maklumat yang berintegrasi selain sebagai gedung seni untuk memberi bimbingan, khidmat nasihat dan rujukan dalam semua aspek seni tampak dan seni lukis.

IHMCF selaku penganjur Lifa bukan sekadar mempamerkan karya seni tetapi muzium rekaan arkitek ternama Datuk Lim Chong Keat itu dikelilingi hutan tropika dan pengunjug berpeluang menerokai keindahan alam.

Di belakang muzium, dibina tangga menuju ke Pusat Kebudayaan Komuniti dan orang ramai dapat menikmati keindahan pantai selain melihat pokok hutan yang sukar ditemui seperti pokok bintangor yang dikaitkan dengan pengubatan penyakit Aids.

Orang ramai dapat menyaksikan kawasan pokok kelubi, sejenis asam, hutan nipah, kawasan mandian air panas, gua Sungai Pinang serta Pulau Dangli.

Lifa adalah satu lagi sumbangan anak Malaysia dalam mengangkat nama negara menerusi Langkawi dalam dunia seni pada peringkat antarabangsa.

(END)